



“

SEBELUM ZAMAN MERDEKA LAGI, TENAGA WANITA KETIKA BERKEMPEN AMAT DIPERLUKAN PADA MASA ITU, WANITA DENGAN BERPAKAIAN BARU, SIAP BERTEROMPAH DAN MEMEGANG PAYUNG BERGERAK DARI RUMAH KE



Oleh Nor Hatina Shuib  
hatina@mediaprima.com.my

“**H**ari itu bagaikan pesta keramaian. Sesudah Subuh, semua wanita dan lelaki siap berpakaian baru, kemas dan cantik. Berterompah dengan payung tersisip rapi, beberapa kelompok

# Nostalgia kempen

» Naik lori, guna pembesar suara, mengunjungi rumah ke rumah bago

## RUMAH LINTUK BER- KENALAN DENGAN PENGUNDI"

*Napsiah Omar,  
Pengerusi Tetap  
Wanita UMNO*



“  
KETIKA ITU, APA  
YANG DILUTAMAKAN  
IALAH MEMPER-  
JUANGKAN PE-  
LUANG PENDIDIKAN  
LINTUK WANITA  
KEMPEN ITU UNTUK  
PEMIMPIN MENDE-  
KATI RAKYAT DAN  
TUNJUK MILIKA”

*Dr Fatimah Haniffa Dan,  
Tokoh pendidikan terdahulu*

wanita serta mengemul pemim-  
pin kawasan berkempen sempe-  
na pilihan raya yang dianggap  
sebagai hari istimewa”.

Itulah gambaran suasana  
dilontarkan tiga veteran UMNO  
yang melalui pengalaman kem-  
pen pilihan raya. Sama ada ahli  
keluarga terdekat atau pengala-  
man diri sendiri, saat berkem-  
pen meresap ke sanubari atas  
landasan semangat pengundi  
dan pemimpin untuk berjuang  
habis-habisan memilih kerajaan  
yang ada kredibiliti.

Berdasarkan pengalaman  
zaman dulu, kempen dijalankan  
begitu meriah, tetapi dalam  
keadaan aman tanpa caci-mencaci  
dan maki hamun, malah diwar-  
nai dengan suasana berkumpul  
di dewan kampung atau padang.

Paling menggamit nostalgia,  
kempen menaiki lori bukan  
suasana asing dengan ceramah  
politik menggunakan pembesar  
suara. Bertandang dari rumah ke  
rumah dan pusing satu kampung  
sudah menjadi tradisi berkekalan  
sebaik saja ditentukan tarikh pili-  
han raya. Wanita antara golan-  
gan yang paling sibuk membantu  
jentera parti berkempen.

Seiring perubahan zaman,  
kini suasana kempen turut  
mengalami transformasi. Peman-  
dangan ahli parti dan pemim-  
pin bertandang dari rumah ke  
rumah dan semangat wanita  
untuk membantu jentera pilihan  
raya tidak semeriah dulu.

Cuma kekangan masa, komit-  
men dan kesibukan membuatkan  
tradisi kunjung-mengunjungi  
semakin berkurang, tetapi itu  
bukan bermakna wanita masa  
kini tidak lagi berminat keluar  
berkempen.

### Wanita komited

Pengerusi Tetap Wanita UMNO,  
Tan Sri Napsiah Omar, 70, berka-



Tunku Abdul Rahman **menaiki lori ketika berkempen** di Kedah.

ta, beliau percaya semua wanita  
kini begitu bersemangat tinggi  
untuk membantu memperku-  
kuhan jentera Barisan Nasional  
(BN).

Katanya, peranan wanita  
begitu besar dalam soal ini dan  
dari dulu wanita lebih ke hada-  
pan berbanding lelaki dalam soal  
berkempen.

“Wanita boleh masuk ke  
rumah pengundi dari bahagian  
serambi hingga ke dapur untuk  
berkempen. Saya berharap san-  
gat tenaga wanita yang banyak  
turut digunakan untuk jadi calon  
wanita. Biar lebih ramai wanita  
yang jadi calon.

“Zaman dulu, suasana kem-  
pen meriah macam pesta.  
Sebelum zaman merdeka lagi,

tenaga wanita ketika berkempen  
amat diperlukan. Pada masa itu,  
wanita dengan berpakaian baru,  
siap berterompah dan memegang  
payung bergerak dari rumah ke  
rumah untuk berkenalan dengan  
pengundi.

“Zaman dulu pengundi kenal  
sangat dengan pemimpin. Seka-  
rang bukan tidak boleh begitu,  
tetapi pengundi keluar bekerja  
suami isteri, jadi sukar sikit untuk  
bertemu pemimpin yang dica-  
lon,” katanya, wanita dulu, kini  
dan selamanya memang begitu  
komited untuk berkempen.

Berkongsi pengalaman sekitar  
zaman 50-an, beliau yang masih  
kecil ketika itu melihat sambutan  
terhadap kempen itu begitu komi-  
ted sekali. Bakal pengundi akan



Wanita sejak dulu **begitu komited berkempen**



# pilihan raya

, keliling kampung dan  
aikan pesta keramaian

B/H 15/4/13.  
MS 4/5.



## INFO

### Budaya kempen dulu

- ⊙ Suasana meriah.
- ⊙ Kempen dijalankan dari rumah ke rumah.
- ⊙ Calon menaiki lori dan menggunakan pembesar suara.
- ⊙ Tiada maki hamun, tertib dan berdisiplin.
- ⊙ Tidak banyak menghentam individu dan dedah isu peribadi.
- ⊙ Bersemangat tinggi. Berjuang untuk kepentingan parti.
- ⊙ Wanita berpakaian cantik seakan hari raya ketika keluar mengundi
- ⊙ Banyak perjuangkan isu bahasa kebangsaan.





Ada petugas terpaksa bersampan untuk kempen pilihan raya.

berkumpul di padang beramai-ramai pada waktu malam, disajikan dengan wayang di padang dengan suasana diterangi lampu gasolin serta diakhiri dengan kempen di atas lori oleh calon pemimpin dan penyokong kuat parti.

"Ayah saya memang orang UMNO. Ketika zamannya, suasananya meriah. Kempen dijalankan di atas lori sambil bertERIAK menggunakan alat pembesar suara. Siap buka penghadang lori dan berhenti seketika untuk meraih undi dan berkenalan dengan pengundi," katanya memberitahu pembubaran Parlimen dilihat sebagai menepati janji.

"Pembubaran Parlimen mengingatkan kita Malaysia sebuah negara merdeka dan demokrasi. Pemimpin menepati janji dengan

membuat pilihan raya lima tahun sekali. Kita akan keluar mengundi untuk memilih pemimpin. Kempen bukan satu fenomena, ia bukan bidan terjun, tetapi dirancang dengan rapi. Pemimpin kita seorang yang cukup terperinci di bawah kerajaan yang ada, program transformasi menyentuh semua lapisan rakyat," katanya.

Beliau menyifatkan kempen adalah proses berterusan dan dilakukan setiap hari kerana masyarakat sentiasa menilai pemimpin.

#### Pemimpin dekati rakyat

Berkongsi nostalgia sama, tokoh pendidikan terulung, Prof Datuk Dr Fatimah Hamid Don, 80, berkata pengalamannya mengikuti kakak ketika berkempen satu pengalaman yang tidak dilupakan dan satu nostalgia indah.

Dr Fatimah adalah adik ke-

#### Ramani Gurusamy

pada wanita terawal yang dilantik senator dalam kerajaan, iaitu Allahyarham Datuk Bibi Aishah Hamid Don yang menang di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kulim, Kedah dalam pilihan raya umum Tanah Melayu 1955.

Pada 1964, Bibi Aishah di lantik menjadi Ahli Dewan Undangan Negara (ADUN) dan menjadi wanita kedua di dalam dewan terbabit dan menang di kawasan Parlimen Kulim Utara dalam Pilihan Raya Umum 1969.

"Saya tidak terbabit dalam politik, tetapi menyokong penuh kepemimpinan kerajaan. Pengalaman dan suasana kempen banyak saya peroleh ketika temani kakak berkempen di Kulim. Setiap hujung minggu, saya akan tumpang kereta pemimpin dan penyokong parti untuk turun padang berkempen.

"Ketika itu, apa yang diutamakan ialah memperjuangkan peluang pendidikan untuk wanita. Kempen itu untuk pemimpin mendekati rakyat dan tunjuk muka. Antara lokasi pilihan adalah pusat khidmat masyarakat dan dewan kampung.

"Sempat lagi dihidangkan air teh dan sedikit kuih-muih ketika kempen dijalankan di dalam dewan dan ia suasana yang menyeronokkan. Kempen meriah sudah seperti pasar malam. Tetapi suasana ketika kempen zaman dulu, sangat aman. Ketua kampung dijemput dan tidak ada demonstrasi, semua secara sukarela," katanya.

#### Kempen lebih mencabar

Beliau berkata, suasana kempen zaman dulu berlaku secara tertib



Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein ketika berkempen di Sungai Sekamat, Kajang.

dan tidak ada yang bersuara lantang, sebaliknya perkara utama difikirkan ialah berjuang untuk parti.

"Kempen politik sekarang lebih mencabar. Banyak isu dan permintaan kepada kerajaan. Lebih banyak isu peribadi, hentam individu. Saya tidak setuju dengan situasi ini dan sudah diputarbelitkan. Kurang cakap lagi elok," katanya memberitahu dulu isu pendidikan dan isu bahasa kebangsaan diperjuangkan.

Katanya, wanita dulu dan kini dilihat tidak pernah mengabaikan hari mengundi dan bersemangat tinggi dalam perjuangan.

"Hari mengundi macam hari raya. Subuh saja sudah keluar dan pakai baju cantik," katanya.

Bagi Timbalan Presiden NCWO, Datuk Ramani Gurusamy, beliau melihat wanita

begitu ke hadapan setiap kali pilihan raya.

Katanya tiada beza antara kempen dulu dengan kini membabitkan penyertaan wanita.

Apa yang bezanya adalah penambahan kepada corak kempen. Jika dulu bertandang ke rumah pengundi, tetapi kini ia lebih lagi dengan aktiviti seperti mesyuarat dan pertemuan.

"Sama saja. Wanita dari dulu sama ada BN atau parti lain tetap menyumbang untuk berkempen dalam pilihan raya. Wanita begitu berminat dan bersemangat tinggi untuk menyertai pelbagai kempen. Wanita sentiasa teruja membantu jentera parti. Dulu saya selalu mengikuti kempen pilihan raya. Calon dulu akan berceramah dan apa yang dibicarakan sungguh menarik. Pelbagai janji manifesto diungkap dan saya suka mendengarnya," katanya.